

24 AUG 2003

Khalil-Pidato

WUJUDKAN PANEL PEMIDATO TINGKATKAN KEMAHIRAN, KATA KHALIL

KOTA BAHARU, 24 Ogos (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Penerangan diminta mewujudkan panel pembedato bagi meningkatkan kemahiran dan ketrampilan pegawai penerangan berucap dan berhujah dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan dasar negara.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, pegawai penerangan juga perlu mampu berucap dengan baik bukan sahaja dalam Bahasa Malaysia tetapi Bahasa Inggeris dan bahasa lain seperti Jepun, Perancis dan Arab.

Sementara di peringkat akar umbi, pegawai penerangan diharap boleh berucap dalam dialek-dialek tempatan seperti Iban, Bidayuh dan Kadazan, katanya pada perasmian Pertandingan Akhir Pidato Kenegaraan Peringkat Kebangsaan di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Seri Dr Arshad Hashim.

Khalil berkata pegawai penerangan perlu mahir dalam pengucapan awam kerana ia menjadi sebahagian daripada tugas penting mereka mengubah sikap kumpulan sasar bagi memastikan kewujudan kerajaan yang sedia ada akan terus dipertahankan.

Beliau berkata sekarang, kemahiran berpidato digunakan banyak pihak untuk mendapatkan pengaruh serta dijadikan profesyen yang mendatangkan pendapatan lumayan.

Katanya Malaysia belum lagi mempunyai tokoh pembedato yang boleh mendapat pembayaran setanding atau separuh daripada apa yang diperolehi pembedato barat untuk sesuatu ucapan.

Ini mungkin disebabkan masyarakat di negara ini belum boleh menilai seorang pembedato yang baik dengan "tukang cakap" yang kurang baik yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan apabila menjelang sesuatu pilihan raya, katanya.

Bagaimanapun, katanya Malaysia boleh berbangga dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mempunyai kemahiran dan ketrampilan semula jadi dalam berpidato terutama di arena antarabangsa.

Pada pertandingan itu, pembedato dari Perlis Khairul Zaidy Mansor muncul juara dengan meraih wang tunai RM3,000, Piala Setia Perdana dan sijil penyertaan.

Pembedato dari Kedah Mohamad Daud Mat Din di tempat kedua dengan hadiah wang tunai RM2,000 dan sijil penyertaan manakala Che Khairul Azli Che Ahmad dari Selangor di tempat ketiga dengan hadiah wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan.

--BERNAMA

BD BK